# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 15 MEI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br>8. | HIGHER YIELD, BETTER INCOME WITH SMART SBB, NEWS, NST -5<br>SMART ALA SEKINCHAN BERI PULANGAN TINGGI, LOKAL, HM -17<br>SMART SBB TINGKAT PENGELUARAN, TAMBAH PENDAPATAN PESAWAH, NASIONAL, BH -5<br>RUNGUTAN KETIADAAN BERAS TEMPATAN MAKIN KURANG, NASIONAL, BH -8<br>RUNGUTAN BERAS TEMPATAN BERKURANGAN - MOHAMAD, NASIONAL, SH -7<br>140,000 TAN BERAS TEMPATAN SUDAH BERADA DI PASARAN, DALAM NEGERI, UM -6<br>PERLU CAPAI 80 PERATUS SSL BERAS, NEGARA, KOSMO -5<br>RICE DISTRIBUTION GOING WELL, SAYS MOHAMAD, NEWS, NST -7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 9.<br><br>10. | MALAYSIA YAKIN CAPAI 50 PERATUS TAHAP SARA DIRI SEKTOR DAGING 2030- MOHAMAD SABU, ASTRO AWANI -ONLINE<br>BEKALAN DAGING TEMPATAN MASIH DI BAWAH 20% - MOHAMAD, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 11.<br><br>12. | UPAH WARGA ASING, PENAGIH JADI KRU NELAYAN HARAM, LOKAL, HM -7<br>TANGKAP IKAN DI ZON LARANGAN, LOKAL, HM -7 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 13. | BERI MURID SEKOLAH MAKAN TEMPE, KUANTAN, SH -26 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 14.<br><br>15.<br>16. | KASTAM PATAHKAN CUBAAN SELUDUP DAGING ANAK BABI SEJUK BEKU, DALAM NEGERI, UM -31<br>RAMPAS 23 TAN DAGING ANAK BABI, IPOH, SH -24<br>TEMPORARY IMPORT BAN ON PORK STILL IN FORCE, NATIONAL, THE SUN -3 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 17. | HARGA IKAN MENINGKAT SEHINGGA LEBIH 50 PERATUS, NASIONAL, BH -21 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 18.<br><br>19.<br>20.<br><br>21.<br><br>22. | TEKNOLOGI AI PERLU JADI INOVASI UTAMA TINGKAT PERTANIAN NEGARA, NASIONAL, SH -7<br>KAWAL MONOPOLI IMPORT SAYUR SYARIKAT ASING, NASIONAL, BH -7<br>PERMINTAAN LEMBU KORBAN TURN 70 PERATUS?, DALAM NEGERI, UM -6<br>TETAPKAN KUOTA IMPORT, HARGA SILING SAYUR, DALAM NEGERI, UM -6<br>WUJUD SISTEM KAWALAN KUOTA IMPORT, TETAP HARGA SILING SAYUR, NEGARA, KOSMO -5 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | NST | NEWS | 5 |




# Higher yield, better income with Smart SBB

THE government is committed to expanding the Large-Scale Smart Padi Project (Smart SBB) nationwide, given its success in producing a higher yield of padi.

The project is implemented through public-private partnership to boost padi production and increase farmers' revenue, with the costs to be borne by industry players. The project aims to minimise the involvement of middlemen, and improve production and distribution of rice in the country.

Agriculture and Food Security Ministry (Padi and Rice Regulatory Division) director-general Datuk Azman Mahmood said the programme aims to boost crop yield and farmers' income without relying on additional government funds.

The capital expenditure for the project is provided by the leading companies, which will inject capital of up to RM3,500 per hectare throughout the padi planting season.

This investment covers various stages, from initial processes like land ploughing and liming to utilising agricultural input, such as fertilisers, pesticides and machinery, during harvesting.

"Up to May, the programme has been rolled out nationwide, except in Johor and Melaka, benefitting 10,585 farmers in 79 locations.

"There are 14 leading companies, managing more than 34,000ha with an average yield of five to six metric tonnes per hectare," he said on Monday.

He said the Smart SBB Ala Sekinchan programme, covering 10 locations and spanning over 692 hectares, yielded an average of six to eight metric tonnes per hectare.

In the coming month, the programme will be launched in Bagan Serai, Perak; Kuala Pilah, Negri Sembilan; Block B, Seberang Perak, Perak, and Kota Belud, Sabah.

Azman emphasised the ministry's commitment to expanding the Smart SBB programme across the country by encouraging farmer participation.

"Efforts to encourage farmers to participate in Smart SBB must rely heavily on close cooperation among stakeholders along the industry value chain, especially farmers as key partners of the government.

"The role of the ministry's departments and agencies is also crucial to ensure accurate information about this programme reaches the farmers."

He said this approach would enhance the competitiveness and resilience of the national rice industry through private investment, gradually reducing the dependence on subsidised agricultural inputs.

"Aspects such as infrastructure for irrigation and drainage must be given top priority to encourage farmers to join Smart SBB, and adopt proper and best farming practices.

"The government will expand the use of groundwater systems in padi fields in preparation for the expected more severe dry season next year, in which this system can also reduce dependence on rainfall," he said, adding that the use of groundwater has already been implemented in the Integrated Agricultural Development Area of Batang Lupar, Sarawak.


*Kamarudin Dahuli*

He said the government will also introduce rice varieties that are more drought-resistant and can be harvested in just 80 days, compared with the current 105 to 110 days to assist farmers in increasing their crop yields.

This initiative would commence next year, signalling a significant shift in the industry.

Muda Agricultural Development Authority (Mada) general manager Kamarudin Dahuli said the Smart SBB initiative has not only bolstered the nation's padi cultivation but has also brought the country closer to the objective of eliminating hardcore poverty.

He said farmers participating in the programme only require two-hectare plots to achieve productivity levels equivalent to those of five-hectare padi fields.

"On average, padi farmers here are managing only two hectares, so at that scale, it's not economical. With Smart SBB, even those with small plots like two hectares can yield high returns.

"To ensure the best income for our farmers, we use proper management techniques. That's why through Smart SBB, even with two hectares, when managed efficiently by an entity such as an anchor or leading company, it can help increase the yields for farmers."

Kamarudin said another factor contributing to higher profits is the reduced cost through economies of scale.

"Activities like fertilising can be managed on a larger scale to reduce costs. For instance, let's say a farmer manages one or two hectares, the cost for one hectare might be around RM350. But when done on a larger scale, involving more participants, the costs can be reduced," he added.

He expressed confidence that the programme would significantly contribute to enhancing food security for the country, with white rice being the nation's staple food.

"We hope it will increase the nation's padi production and achieve the target set for 2025, aiming for 75 per cent self-sufficiency, and by 2030, reaching 80 per cent.

"If executed effectively and we achieve these set targets, the country's food security will be assured."

Kamarudin said Mada will expand the project by 100ha within this year.

"Last year, 224.880ha of padi fields in the Mada areas implemented the Smart SBB Ala Sekinchan programme, involving one location in Perlis and four locations in Kedah. Overall, 89 participants were involved, comprising five area farmer organisations.

"This year, Mada plans to continue this programme with 100 additional hectares expected in the first padi cultivation season with Felcra Niaga Sdn Bhd as a leading company," he added.

> *Up to May, the programme has been rolled out nationwide, except in Johor and Melaka, benefitting 10,585 farmers in 79 locations.*
>
> **DATUK AZMAN MAHMOOD**
> Agriculture and Food Security Ministry (Padi and Rice Regulatory Division) director-general



Commenting further, he said Mada and the ministry will provide various initiatives to ensure the success of farmers under the Smart SBB programme.

"Through this programme, farmers don't need to invest in farming inputs and mechanical services or pay for fieldwork as these costs are covered by the leading companies."

"Additionally, the ministry will allocate funds to Mada to upgrade and maintain infrastructure in involved areas.

"Mada will also conduct monitoring and implement development programmes to minimise yield loss due to crop pests. We will also implement padi yield enhancement programmes, such as ensuring the use of certified padi seeds, soil fertility restoration, and additional fertiliser application in the involved areas.


*Mohamad Farid Shafie*

Smart SBB Ala Sekinchan programme supervisor Mohamad Farid Shafie, 38, confirmed that the programme has successfully increased yields since its implementation in the second padi cultivation season of last year.

He said the 10 participants in Kampung Gulau, Pendang, have yielded higher returns.

"We managed this Smart SBB project on a 39ha field. Before adopting this concept, the average yield per season was 5.5 tonnes per hectare, but after the second cultivation season in March last year, it increased to 6.4 tonnes per hectare.

"Through this concept, participants need to adhere to planting schedules up to the pesticide application stage. It needs to be synchronised, this indirectly controls disease and pest infestation from spreading.

"It saves pesticide costs, and the increasing padi yields also enhance our income," said Farid, who has been managing padi fields since 2013.

Farid, a Bachelor of Mechanical Engineering graduate from Universiti Kuala Lumpur, expressed gratitude for being selected for the programme, citing assistance and guidance from ministry agencies such as Mada.

"As farmers, our attitudes need to change, we need to spend more time in the fields, not just plant and leave. Field cleanliness needs to be prioritised to prevent padi from getting diseases.

"Most importantly, farmers need knowledge and should not solely rely on physical strength. For the next season, we aim to increase padi yields to nine tonnes per hectare and successfully match the harvest rates in Sekincan, Selangor, which range from 10 to 12 tonnes per hectare."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Smart ala Sekinchan beri pulangan tinggi

## *Malaysia sentiasa hadapi masalah ketiadaan beras tempatan sekiranya tak capai 80% SSL*

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my



MOHAMAD melawat pameran pada program Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan 2024 di UPM, Serdang. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

**Serdang**

Malaysia akan sentiasa menghadapi masalah dalam isu ketiadaan beras tempatan sekiranya ia tidak mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus Tahap Sara Diri (SSL).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, buat masa ini penghasilan beras tempatan kira-kira 62 hingga 63 peratus.

Bagaimanapun, katanya, dengan pembukaan kawasan baharu membabitkan padi, pihaknya yakin akan ada perubahan daripada segi penghasilan beras sekurang-kurangnya tiga tahun akan datang.

"Gelombang padi mula menunjukkan penghasilan agak tinggi bila diperkenalkan cara menguruskan Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) ala Sekinchan.

"Kita nampak (ia) mula dapat penghasilan yang agak baik selain daripada ala Sekinchan itu sendiri," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Dewan Bankuet Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Dr Akma Ngah Hamid.

Mengulas lanjut, Mohamad turut memaklumkan sebanyak 140,000 tan metrik padi dan beras tempatan kini berada di pasaran, selain rungutan orang ramai juga dilihat berkurangan berkait isu terbabit berbanding di peringkat awal dahulu.

"Sebanyak (140,000 tan metrik padi dan beras tempatan) sekarang berada dalam pasaran. Adalah kelompangan di sana sini.

"Pihak Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memerhati di samping cuba bertindak dengan segera.

"Rungutan (kekurangan beras) sekarang agak berkurangan sedikit berbanding di peringkat awal dahulu," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad mengakui pengeluaran tempatan daging lembu dan kambing SSL ketika ini masih berada berada di bawah 20 peratus.

Beliau juga menyasarkan pengeluaran tempatan daging lembu dan kambing itu akan mencapai 50 peratus pada tahun 2030 menerusi Pelan Strategik dan Tindakan Pembangunan Industri Pedaging Negara.

"Kita berada di bawah 20 peratus dalam menyediakan kecukupan daging di Malaysia. Sekarang ini, kita bergantung kepada import yang begitu tinggi sama ada dari Australia, New Zealand, India dan pelbagai negara lain," katanya.

Menurutnya, disebabkan itu kerjasama semua pihak sama ada kerajaan Persekutuan dan negeri penting dalam mengurangkan karenah birokrasi bagi meningkatkan pengeluaran tempatan daging lembu dan kambing.

**"Gelombang padi mula menunjukkan penghasilan agak tinggi bila diperkenalkan cara menguruskan Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan"**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Rungutan ketiadaan beras tempatan makin kurang

**Serdang:** Rungutan yang diterima berhubung masalah ketiadaan beras tempatan dilihat semakin berkurangan, susulan inisiatif kerajaan mengarahkan 140,000 tan bekalan bahan itu diproses dan dikeluarkan segera dari kilang, sejak Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata isu berhubung bekalan beras tempatan akan berterusan selagi tahap sara diri (SSL) bagi bahan itu tidak mencapai 80 peratus.

Beliau berkata, KPKM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus memainkan peranan bagi mengatasi segala kekurangan yang ada.

"Bekalan sedang berada di pasaran, walaupun ada *loophole* (kelompangan) sana sini, agensi di bawah pihak KPKM serta KPDN memerhati, selain bertindak segera.

"Rungutan sekarang sudah berkurangan jika dibandingkan peringkat awal dulu, namun masalah akan berterusan jika beras kita tidak capai sekurang-kurangnya SSL 80 peratus," katanya ditemui selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 Jabatan Perkhidmatan Veterinar, semalam.

Mac lalu, kerajaan mengumumkan empat inisiatif untuk mengatasi isu kekurangan beras dalam pasaran, termasuk memutuskan semua stok semasa padi dan beras yang dibeli pengilang berjumlah 140,000 tan diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Pada masa sama, Mohamad berkata, kadar SSL beras tempatan negara adalah 62 hingga 63 peratus.

Beliau berkata, melalui pelbagai inisiatif kerajaan termasuk Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan, penghasilan padi mula menunjukkan peningkatan baik.

"Selain itu, melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kerajaan sanggup membelanjakan lebih RM5 bilion untuk projek tanaman padi lima kali dua musim di kawasannya," katanya.

Sementara itu, mengenai daging ternakan ruminan, Mohamad berkata, kerajaan mengakui SSL bekalan itu berada di bawah 20 peratus.

Beliau berkata, kerajaan yakin kadar SSL itu mampu ditingkatkan kepada 50 peratus selaras Pelan Strategik Pembangunan Industri Pegading Negara menjelang 2030.




*Mohamad melawat pameran selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 Jabatan Perkhidmatan di UPM, Serdang, semalam.* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/5/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# 140,000 tan beras tempatan sudah berada di pasaran

Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Sebanyak 140,000 tan stok padi dan beras tempatan sudah berada di pasaran ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sehubungan itu rungutan berhubung ketiadaan bekalan beras tempatan ketika ini semakin berkurangan berbanding beberapa bulan lalu.

"Memang berlaku kelompangan dalam sektor berkenaan, namun pihak Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memerhati dan cuba bertindak dengan segera," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Universiti Putra Malaysia, semalam.

Dalam pada itu katanya, negara berpotensi terus berdepan dengan isu ketiadaan bekalan beras tempatan sekiranya tidak mencapai 80 peratus kadar sara diri (SSR).

Katanya, ini kerana negara pengeluar ada hak untuk menghentikan atau meneruskan eksport bekalan mereka.

Beliau memberi contoh seperti isu bawang selepas India membenarkan semula eksport bekalan terbabit.

"Adakah kita nak henti usaha tanam bawang di Malaysia? Saya kata teruskan kerana hak negara pengeluar untuk henti atau teruskan eksport.

"Tetapi, kita kena bersedia, di peringkat bawang, sekurang-kurangnya kita kena ada 30 peratus (SSR) menjelang 2030.

"Beras pun begitu, hak negara pengeluar untuk eksport sebab mereka pun mahu mengutamakan kepentingan rakyat mereka sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad menekankan keperluan inovasi SSR dalam bidang ruminan seperti yang digariskan.

"Kita masih jauh, berada di bawah 20 peratus menyediakan kecukupan daging di Malaysia dan bergantung import tinggi sama ada daripada Australia, New Zealand, India dan berbagai negara lain," katanya.

Justeru, katanya, kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri penting dalam meningkatkan SSL semua sektor.

Katanya, ini kerana sektor ternakan ini perlu kepada tanah yang agak luas, maka perlu kerjasama khasnya kerajaan negeri.



MOHAMAD Sabu bertanyakan sesuatu kepada salah seorang peserta ketika melawat reruai pameran selepas merasmikan Konvesyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

# Tetapkan kuota import, harga siling sayur

**KLANG:** Kerajaan perlu mewujudkan mekanisme kawalan atau menetapkan kuota import sayur-sayuran dan menetapkan harga siling bahan makanan itu seperti yang dilakukan terhadap makanan asas lain.

Langkah itu bertujuan mengelak berlaku pengimportan melebihi permintaan dan monopoli oleh warga asing.

Pengerusi Persatuan Pengimport Sayur-sayuran Malaysia, Datuk Seri Teh Meng Huat berkata, lebih 60 peratus import sayuran kini dikuasai syarikat yang diusahakan warga asing atau import dari luar negara.

Menurutnya, keadaan kian membimbangkan berikutan harga kos tanaman kini amat tinggi hingga menyebabkan kerugian berterusan.

"Justeru, sistem kawalan kuota import perlu diwujudkan bagi mengurangkan pembuangan sayuran dan kerugian akibat persaingan import tanpa mengira keperluan pasaran.

"Jika kelulusan kawalan itu diberi lebih 10 tahun, ia membantu pengimport mencari bekalan tetap dari luar negara dan rakyat juga memahami harga siling jenis sayuran," katanya dalam sidang akhbar di Pelabuhan Klang, semalam.

Kata Meng Huat, kerajaan turut perlu meneliti semula pendaftaran syarikat warga asing bagi industri agromakanan di negara ini.

"Keselamatan makanan amat penting dan syarikat yang dikuasai warga asing perlu dihentikan daripada menjalankan perniagaan import, pengedar dan peruncit sayuran.

"Pelaburan asing memang dialu-alukan namun kita tidak boleh membenarkan mereka mengawal import makanan negara," jelasnya.

Sementara itu, Persekutuan Persatuan Penjual Sayur-sayuran Malaysia, Steven Lee Kha Shiuann berkata, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas kepada warga asing yang terlibat dalam penanaman sayuran dan menyalahgunakan permit kerja.

"Mereka pada dasarnya memang diperlukan pekebun tempatan bagi membantu meningkatkan bekalan sayuran. Namun, mereka kini didapati berniaga sendiri dan menjadi tauke besar," ujarnya.



TEH Meng Huat (kiri) dalam sidang akhbar berkenaan isu krisis bekalan sayur dan kestabilan agro makanan dekat Bandar Sultan Sulaiman, di Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN / SADDAM YUSOFF

# Permintaan lembu korban turun 70 peratus?

**SETIU:** Tempahan lembu tempatan untuk ibadah korban di negeri ini didakwa berkurangan akibat kemasukan lembu seludup.

Menurut penternak, Mohd. Hasrul Helmi Ariffin, 36, keadaan tersebut menimbulkan keresahan kepada penternak kerana ia boleh menjejaskan pendapatan mereka.

"Permintaan lembu korban tahun ini turun mendadak sehingga 70 peratus berbanding sebelum ini apabila orang ramai memilih lembu negara jiran kerana harga yang lebih murah berbanding lembu tempatan.

"Pada tahun lalu, kami berjaya menjual 30 hingga 40 ekor lembu untuk ibadah korban dan kebiasaannya tempahan akan ditutup sebulan sebelum Hari Raya Aidiladha," katanya ketika ditemui di Kampung Pengkalan Merbau, di sini.

Bagaimanapun, Mohd. Hasrul memberitahu, pada tahun ini, dia hanya mampu menjual 10 ekor lembu sedangkan tarikh Hari Raya Korban kurang sebulan lagi.

Katanya, penurunan permintaan lembu tempatan berlaku sejak Ramadan lalu dan ia berlarutan sehingga kini.

"Kami telah menggunakan pelbagai cara memasarkan lembu tempatan termasuk mengiklankannya di media sosial, namun sambutan kurang memberangsang," katanya.

Sementara itu, rakannya, Abdul Basir Mamat, 32, berkata, orang ramai ketika ini cenderung mencari lembu bawah harga RM4,000 seekor.

"Mungkin keadaan ekonomi semasa juga menyebabkan orang ramai memilih harga yang lebih rendah untuk ibadah korban tahun ini.

"Jika kita tengok sekarang, lembu berharga RM5,000 hingga RM8,000 ke atas tidak mendapat permintaan dan sebagai pengusaha, kami terpaksa menanggung kos makanan lembu berkenaan jika ia tidak berjaya dijual," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | KOSMO | NEGARA | 5 |

Negara tak mampu lagi berdepan isu ketiadaan beras tempatan di pasaran

# Perlu capai 80 peratus SSL beras

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**SERDANG** – Malaysia berpotensi terus berdepan dengan isu ketiadaan bekalan beras tempatan jika negara gagal mencapai 80 peratus kadar sara diri (SSL) beras.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, buat masa ini, penghasilan beras tempatan adalah antara 62 hingga 63 peratus.

Katanya, dengan pembukaan kawasan baharu penanaman padi, pasti akan ada perubahan dari segi penghasilan beras sekurang-kurangnya dalam masa tiga tahun akan datang.

"Gelombang padi mula menunjukkan penghasilan agak tinggi bila diperkenalkan cara menguruskan Smart Sawah Berskala Besar ala Sekinchan.

"Apa pun, kita mesti meningkatkan pengeluaran beras kerana negara pengeluar lain ada hak untuk menghentikan eksport bekalan mereka.

"Adakah kita nak henti usaha tanaman di Malaysia? Saya kata teruskan kerana hak negara pengeluar untuk henti atau teruskan eksport.

"Kita kena bersedia. Sebagai contoh bawang sekurang-kurangnya kita kena ada 30 peratus SSL menjelang 2030. Beras pun begitu," katanya.



MOHAMAD ketika ditemui pemberita di Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di UPM, Serdang semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Mohamad berkata, rungutan berhubung ketiadaan bekalan beras tempatan di Malaysia bagaimanapun telah berkurangan berbanding sebelum ini.

Menurutnya, sebanyak 140,000 tan stok padi dan beras yang diarah untuk diproses sudah berada dalam pasaran meskpun masih berlaku sedikit kelompangan.

Sementara itu, beliau berkata, inovasi SSL dalam bidang ruminan seperti mana yang digariskan pihak berwajib juga penting dalam memastikan bekalan mencukupi.

Ujarnya, bekalan daging di Malaysia masih bergantung kepada import termasuk dari Australia, New Zealand dan India.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | NST | NEWS | 7 |

140,000 METRIC TONNES

# Rice distribution going well, says Mohamad

**SERDANG:** The distribution of 140,000 metric tonnes of rice nationwide is proceeding smoothly, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Despite shortages, the matter has been managed well," he said at the inauguration of the Veterinary Development Convention and Innovation Day at Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, here.

Mohamad said producers, in cooperation with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, were able to address the shortages, with 140,000 metric tonnes of rice now in the market.

He said this had led to positive results, based on the drop in the number of public complaints.

"We noticed that there are now fewer complaints."

He said with the current achievements, the country was capable of achieving an 80 per cent self-sufficiency rate (SSR) target.

"However, food supply issues, especially concerning rice, need to be addressed properly, otherwise the country will face the same problems again and might struggle to achieve at least 80 per cent of the SSR to meet domestic demands," he said.

A total of 500 employees from the Veterinary Services Department attended the convention, which ends tomorrow.

The convention brought together development agents and technical officers from departments across Malaysia in a forum aimed at sharing experience, latest technologies and knowledge related to the livestock industry.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Malaysia yakin capai 50 peratus tahap sara diri sektor daging 2030 - Mohamad Sabu




*Mohamad berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka DVS serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti AI dalam sektor ternakan. - Gambar/ Shahir Omar/ Astro AWANI*

**SERDANG:** Negara yakin capai sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) bagi sektor daging lembu menjelang 2030, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dalam sektor ternakan.

"Dia (Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid) akan berusaha ke arah mencapai sasaran, jadi pada hari ini ketua pengarah kata boleh, dan saya pun setuju bahawa ia boleh dicapai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di sini hari ini.

Pada 8 Mac lepas, Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan menyasarkan untuk memperluas penternakan lembu secara fidlot iaitu membangunkan semula ladang mega ternakan lembu bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan sekali gus meletakkan negara dalam landasan tepat ke arah mencapai sasaran 50 peratus SSL bagi sektor daging menjelang 2030.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Mohamad berharap setiap hala tuju dan fokus yang dicapai sepanjang tahun ini adalah berpandukan kepada Pelan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang menekankan lima teras termasuk penerokaan penggunaan teknologi baharu dalam sektor pertanian seperti AI.

"Saya berharap kepada semua agar konsep PINTAR ini dapat diperluas dan disematkan dalam fikiran dan jiwa setiap ejen pengembangan kita. PINTAR adalah kaedah kita untuk mencari solusi kepada permasalahan pertanian yang telah berdekad lamanya," katanya.

Sementara itu, Akma berkata, tahap SSL susu segar ketika ini berada pada tahap 62 peratus dan sedang menuju ke arah sasaran 100 peratus SSL pada 2030.

"Sasaran pada 2030 ialah kita hendak capai 100 peratus SSL, jadi banyak program kita jalankan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Industri tenusu ini mempunyai banyak potensi dan kita berada pada landasan, dengan syarat tiada wabak berlaku," katanya.

Akma berkata setakat ini negara memiliki lima lembah tenusu di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dijangka mampu memenuhi permintaan susu segar tempatan menjelang 2025.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/5/2024 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Bekalan daging tempatan masih di bawah 20% – Mohamad




Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika lawatan booth sempena Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Foto SYADILA AMARI, 14 MEI 2024.

SERDANG – Bekalan daging tempatan untuk pasaran domestik masih lagi di bawah 20 peratus, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Disebabkan itu, negara masih lagi bergantung kepada import yang begitu tinggi terutama dari negara Australia, New Zealand, India dan pelbagai lagi negara lain.

Oleh yang demikian, kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dengan sumber berkenaan cukup penting bagi mengelak berlakunya karenah birokrasi.

"Sudah tentulah di pihak veterinar mereka terus tekun dengan kajian-kajian mereka memperkenalkan baka-baka baharu.

"Jadi, ia melibatkan semua pihak bukan hanya veterinar sahaja termasuklah semua kementerian, kerana proses untuk membuat ternakan ini perlu ada tanah yang agak luas dan kerjasama kerajaan negeri dan ini yang perlu dipermudahkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan hari Inovasi Tahun 2024, di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, perdana menteri sering mengingatkan mengenai perkara tersebut dan semua pihak termasuk di peringkat Persekutuan dan di negeri harus

mengambil maklum mengenai perkara ini.

Terdahulu ketika berucap pada majlis berkenaan Mohamad berkata, pengembangan veterinar adalah satu cabang perkhidmatan yang diberikan oleh DVS untuk membantu golongan sasar bagi mengenal pasti penyelesaian dan kesedaran dalam memperbaiki kelemahan serta bersedia melakukan perubahan selari dengan perkembangan semasa dalam sektor penternakan dan asas tani.

Ia termasuklah pengurusan ladang yang baik, kawalan penyakit serta penggunaan teknologi terkini melalui ejen-ejen pengembangan yang terdapat di setiap DVS negeri dan tujuh buah pusat pengembangan veterinar atau dikenali juga sebagai VETEC.

Ujarnya, pengembangan veterinar itu telah digerakkan sejak 1980-an dan kemudian pasukan petugas pengembangan veterinar telah mengeluarkan manual pengembangan veterinar yang pertama pada 1993.

Tambah beliau, ia telah ditambah baik pada tahun 2001 di atas keberkesanan program untuk mentransformasi sektor ternakan.

Katanya, prestasi dan pengukuhan industri ternakan negara bergantung kepada kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh DVS.

"DVS perlu sentiasa memantau dan sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan dan inisiatif yang dicadangkan oleh golongan sasar dalam untuk mempertingkatkan hasil pengeluaran ternakan.

"Saya sarankan agar DVS untuk lebih proaktif dan sentiasake hadapan untuk membantu golongan sasar kerana ia akan memberi kesan langsung kepada jumlah SSL (kadar tahap sara diri) ternakan negara yang saban tahun makin menurun dalam keadaan ekonomi dunia dan cabaran perubahan iklim mutakhir ini," katanya. – MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 7 |



SEBAHAGIAN kru nelayan warga asing yang ditahan APMM, kelmarin.

# Upah warga asing, penagih jadi kru nelayan haram

**Georgetown:** Semakin ramai warga asing termasuk ada antaranya penagih dadah diambil bekerja sebagai kru nelayan secara haram.

Ini terbukti apabila Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan 10 kru nelayan warga asing ketika mengadakan operasi di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu, Maung, kelmarin.

Pengarah APMM Negeri Pulau Pinang Kapten Razali Kasim berkata tangkapan membabitkan lapan pekerja warga Myanmar atas kesalahan gagal mengemukakan permit kerja sah manakala dua lagi masing-masing seorang warga Myanmar dan India didapati menyalahgunakan dadah jenis syabu, dengan kesemuanya berusia lingkungan 20 hingga 45 tahun.

Beliau berkata, operasi bermula 12.30 tengah hari itu turut membabitkan kerjasama Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Operasi bersepadu ini dibuat susulan maklumat orang awam, bertujuan bagi memastikan kepatuhan pengusaha bot dan nelayan di sini dari segi permit pekerja asing, peralatan selain penyalahgunaan dadah," katanya.

Razali berkata kejayaan operasi turut dibantu oleh penggunaan aset baharu iaitu kenderaan Mobile Surveillance Unit atau Unit Pengawasan Bergerak (MSU) yang berfungsi sebagai radar dan disesuaikan dengan pacuan empat roda sebagai platform pengesanan yang tahan lasak untuk mengesan sebarang pergerakan keluar masuk mahu pun aktiviti mencurigakan di perairan negara termasuk penyeludupan dan pencerobohan.

"Aset ini telah digerakkan sehari awal dan ditempatkan di kawasan tinggi bagi membuat liputan terhadap sebarang pergerakan mencurigakan dengan pemantauan adalah di Stesen Pengawasan Maritim Laut di Lumut, Perak," katanya.



# Tangkap ikan di zon larangan

## 34 kru ditahan, 10 kapal pukat tunda bersama hasil tangkapan RM3j disita dalam Ops Rentas

Bernama

**Georgetown**

Sebanyak 10 kapal pukat tunda bersama hasil tangkapan bernilai keseluruhan lebih RM3 juta disita melalui operasi Ops Rentas dilakukan Jabatan Perikanan.

Tindakan diambil selepas semua kapal itu didapati menceroboh zon larangan penangkapan ikan di perairan Kedah dan Pulau Pinang pada 11 Mei lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Jabatan Perikanan (DOF) Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, seramai 34 kru dan tekong membabitkan empat rakyat tempatan, 28 warga Thailand serta masing-masing seorang rakyat Kemboja dan Laos berusia antara 23 hingga 65 tahun turut ditahan.

"Kesemua kapal itu didapati menceroboh zon larangan penangkapan ikan bagi kapal komersial dengan menjalankan aktiviti menangkap ikan di kawasan taman laut di perairan Taman Laut Pulau Payar di Kedah dan Perairan Mukahead hingga ke Perairan Gertak Sanggul di Pulau Pinang.

"Kapal itu juga beroperasi kurang 15 batu nautika dari daratan terhampir. Pemilik bot turut menghalang tugas pegawai penguat kuasa dan menutup nombor pendaftaran bagi mengaburi pihak berkuasa," katanya di Pangkalan Konservasi dan Perlindungan Sumber Batu Maung, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang Zarina Zainuddin dan Pengarah Perikanan Negeri Kedah Pang Anak Nyukang.

Wan Muhammad Aznan berkata tujuh daripada kapal berkenaan ditahan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung manakala tiga lagi di Jeti Kuala Kedah.

"Turut disita kelengkapan peralatan menangkap ikan berjumlah RM3 juta manakala tiga tan ikan yang disita telah dilelong dengan nilai RM10,000," katanya.

Tindakan itu diambil mengikut Perenggan 8(b), Perenggan 43(1)(a), Seksyen 53 dan Sub-peraturan 10(3) Peraturan-Peraturan Perikanan (Kelautan) (Pelesenan Vesel Penangkapan Ikan) 1985.

Beliau berkata, mulai 1 Jun ini, setiap kapal Zon C diwajibkan untuk memasang Mobile Tracking Unit (MTU) bagi membolehkan pengesanan dibuat terhadap setiap pergerakan dan kedudukan bot yang berdaftar dengan DOF.




WAN Muhammad Aznan (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian daripada 10 bot pukat tunda yang dikategorikan dalam Zon C yang disita.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | SINAR HARIAN | KUANTAN | 26 |

# Beri murid sekolah makan tempe

## FAMA Pahang perkenal makanan dibuat daripada kacang soya sebagai sumber protein tambahan

**Oleh NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN



**Mohd Alhamadi (kiri) dan Saiful (dua dari kiri) mengagihkan tempe goreng kepada murid sebagai pilihan tambahan sumber protein serta galakan makan buah-buahan tempatan peringkat negeri di SK Padang Garuda pada Selasa.**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang memperkenalkan tempe sebagai pilihan tambahan bagi sumber protein kepada murid sekolah rendah di negeri itu.

Sebagai projek perintis, Fama membekalkan 50 kilogram (kg) tempe kepada 900 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Garuda sepanjang tujuh sesi yang diadakan secara berperingkat.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, usaha itu dibuat bagi memastikan kanak-kanak menyedari bahawa makanan tradisional ini juga mempunyai khasiat.

"Kita cuba mempromosikan tempe ini. Kalau orang lama mereka kenal dengan tempe tetapi murid sekolah ramai yang tidak kenal makanan ini.

"Malah, kita galakan juga anak muda untuk makan tempe kerana ia juga satu hidangan berkhasiat selain kebergantungan bahan makanan lain seperti ayam, ikan dan juga buah-buahan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program tempe sebagai pilihan tambahan bagi sumber protein dan galakan makan buah-buahan tempatan peringkat negeri di SK Padang Garuda pada Selasa.

Hadir sama, Guru Besar SK Padang Garuda, Mohd Alhamadi Abu Bakar.




Saiful berkata, sebanyak 200 kg buah mangga turut disediakan sebagai salah satu hidangan kepada murid SK Padang Garuda.

Menurut Saiful, program yang julung kali diadakan di peringkat sekolah di Pahang itu akan diperluaskan ke sekolah lain selepas ini berikutan sambutan murid terhadap produk berkenaan begitu menggalakkan.

"Kempen makan tempe dan buah-buahan yang diadakan turut dapat menambah sumber pendapatan golongan usahawan di peringkat pembuatan dan jualan. "Mereka ini terdiri daripada peniaga-peniaga di pasar tani FAMA.

"Kita turut menyediakan tempe dan bawang dalam bakul Madani setiap kali program jualan Madani diadakan di setiap daerah di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Mohd Alhamadi berkata, lebih 900 murid SK Padang Garuda berpeluang menikmati tempe secara percuma yang disediakan FAMA.

"Pihak SK Padang Garuda berterima kasih kepada FAMA yang memilih sekolah ini sebagai lokasi pelancaran kempen berkenaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Kastam patahkan cubaan seludup daging anak babi sejuk beku

**IPOH:** Helah sindiket penyeludupan daging anak babi sejuk beku berselindung di sebalik kontena sayur-sayuran terbongkar dengan penemuan kotak berisi 9,634 bungkus daging bernilai RM1.04 juta, 7 Mei lalu.

Pemeriksaan pada pukul 12 tengah hari di Pelabuhan Klang, Selangor itu juga membawa kepada tangkapan seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an bagi membantu siasatan.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, pemeriksaan ke atas kontena berkenaan dijalankan oleh Cawangan Penguatkuasaan JKDM Stesen Ipoh.

Katanya, siasatan awal mendapati kontena tersebut pada asalnya diikrar sebagai sayur-sayuran sejuk beku di dalam Borang Kastam 1 dengan sebahagian kecil kontena diisi beberapa kotak mengandungi sayur-sayuran.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, pasukan penguat kuasa menemui 9,634 bungkus daging anak babi sejuk beku seberat 23,121 kilogram (kg) di dalam kontena di mana ia tidak sama seperti yang diikrarkan di dalam Borang Kastam 1.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati kesemua kotak berisi daging itu tidak memiliki pelekat yang sah daripada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Malah, pihak pengimport juga tidak mempunyai permit yang sah daripada MAQIS dan Jabatan Veterinar untuk membawa masuk daging itu ke dalam negara," katanya di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | SINAR HARIAN | IPOH | 24 |

# Rampas 23 tan daging anak babi

**Produk sejuk beku bernilai lebih RM1 juta diikrarkan sebagai sayur-sayuran**

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan cubaan menyeludup daging anak babi sejuk beku bernilai RM1.04 juta di Pelabuhan Klang, Selangor pada 7 Mei lalu.

Pengarah JKDM Perak, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, operasi dilakukan Cawangan Penguatkuasaan JKDM Stesen Ipoh yang menjalankan pemeriksaan terhadap sebuah kontena di pelabuhan berkenaan.

Menurutnya, kontena tersebut pada asalnya diikrarkan sebagai sayur-sayuran sejuk beku dalam Borang Kastam 1, malah sebahagian kecil kontena tersebut diisi beberapa kotak mengandungi sayur.

AJENYE YE!

"Selepas pemeriksaan teliti dilakukan, penguatkuasa menemui 9,634 bungkus daging anak babi sejuk beku seberat 23,121 kilogram (kg) di dalam kontena dan kandungan tidak sama seperti dilampirkan dalam Borang Kastam 1.

"Pengimportan komoditi sejuk beku ini tertakluk kepada Butiran 1 (1) Jadual Ketiga Bahagian 1 Perintah Kastam (Larangan Mengenal Import) 2017 yang memerlukan permit import dengan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Veterinar," katanya di Pejabat JKDM Perak di sini pada Selasa.



Abdul Ghafar (tengah) menunjukkan daging anak babi sejuk beku yang dirampas di Pejabat JKDM Perak.

Abdul Ghafar berkata, semasa pemeriksaan dibuat, semua kotak berisi daging berkenaan juga tidak memiliki pelekat sah import daripada Maqis.

Menurutnya, daging anak babi itu diimport dari Vietnam dipercayai untuk dijual di pasaran tempatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 133 Akta Kastam 1967 iaitu membuat pengikraran salah dan memalsukan dokumen.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an dipanggil memberi keterangan bagi membantu siasatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | THE STAR | NATIONAL | 3 |

# Temporary import ban on pork still in force

## Airline notice shared online highlights importance of curbing spread of ASF virus to safeguard public health

BY **QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** Malaysia continues to ban the import of pork and pork products from certain countries following the outbreak of African Swine Fever (ASF) in 2018.

The matter came to light again and has been widely shared on social media after AirAsia issued a notice to passengers saying they could be fined up to RM100,000 or be jailed for up to six years or both for breaching the ban.

Disembarking passengers carrying pork and pork-based products into Malaysia were told to dispose of them in designated disposal bins (quarantine bins).

An AirAsia corporate communications spokesman told *theSun* that the government imposed a temporary ban from September 2018 on pork and pork products from China, Macau, Hong Kong and Vietnam after ASF was detected in China in August of that year.

According to the World Organisation for Animal Health, ASF is a highly contagious viral disease affecting domestic and wild pigs, with a mortality rate that can reach 100%.

The virus is highly resistant and can survive on clothes, wheels, and in various pork products such as ham, sausages and bacon.

Consequently, human behaviour can significantly contribute to the spread of this disease across borders if adequate measures are not implemented.

Since August 2018, more than 10 countries have reported occurrences of ASF.

Lawyer Radin Amir Afifi Ahmad Aruani said the government's instruction was originally issued through the Veterinary Services and Customs departments.

"It was done in line with the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

"The situation update in Asia and Pacific by the United Nations Food and Agriculture Organisation (FAO) shows that the outbreak was detected in Malaysia in October 2023," he said.

In May 2024, the FAO reported that the first ASF outbreak was confirmed in February 2021 in Sabah, and the peninsula in December the same year.

In July 2023, ASF was detected in wild boars in Perak, followed by outbreaks on pig farms in Perak and Kedah in October the same year.

Radin Amir Afifi stressed the need to continue the ban due to health concerns and said there is no pressing need to lift it, as local production can sufficiently fulfil the demand for pork items without resorting to imports.

He said restrictions on the entry of foreign products such as pork from other countries are common and enforceable by any nation.

"For example, New Zealand imposes restrictions on the entry of certain products from abroad with the first line of defence being at airports to ensure the safety and health of its citizens and visitors from abroad."

Rathena Paneerchelvan, 26, said the temporary ban on pork-based products entering Malaysia is justified due to the potential health hazards associated with ASF.

"Until the virus is eradicated, it's important to maintain the ban for safety reasons. We don't want another lockdown," she said.

Robert Wong, 35, who was unaware of the ban, expressed concern about what he perceived as insufficient notification about it.

He said AirAsia's notice seems to suggest a complete prohibition on pork-based products, which could be misconstrued as Malaysia enforcing such restrictions for religious reasons.

"AirAsia should provide a clearer explanation that the ban is temporary and aimed at preventing the spread of ASF. This will prevent misunderstandings that could negatively impact Malaysia's image," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/5/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Harga ikan meningkat sehingga lebih 50 peratus

## Peniaga kekurangan bekalan susulan faktor cuaca tidak menentu

**Oleh Zuliaty Zulkiffli**
bhnews@bh.com.my



*Peniaga di pelantar ikan Kampung Seberang Kota mengalami kekurangan bekalan jualan berikutan tangkapan hasil laut yang menurun sejak minggu lalu.*
(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

**Kuala Kedah:** Tangkapan hasil laut yang menurun sejak minggu lalu akibat faktor cuaca tidak menentu menyebabkan ramai peniaga ikan di sini berdepan kekurangan bekalan, malah harga jualan kebanyakan bahan segar itu turut naik sehingga ada yang mencecah lebih 50 peratus.

Tinjauan di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini, mendapati hasil laut yang dijual peniaga ikan adalah terhad walaupun mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai.

Peniaga ikan, Khadijah Md Shah, 48, berkata malah kebanyakan peniaga di pelantar itu tidak dapat beroperasi ketika ini susulan kekurangan hasil tangkapan ikan.

"Ramai tidak dapat berniaga sejak beberapa hari lalu dan hanya sebilangan kecil yang berniaga. Antara faktor menyebabkan kurangnya hasil tangkapan ikan dan hasil laut lain ialah cuaca yang tidak menentu, selain angin kuat di tengah laut.

"Ketika ini, nelayan hanya mampu memperoleh hasil tangkapan sekitar 100 kilogram (kg) hingga 200kg sehari berbanding hasil tangkapan mencecah satu tan ketika musim ikan banyak.

"Diharapkan keadaan akan kembali normal dengan hasil tangkapan pulih semula dan terus meningkat," katanya ketika ditemui di pelantar berkenaan, semalam.

### Bekalan terhad

Beliau berkata, keadaan bekalan yang terhad sekali gus menyebabkan harga jualan rata-rata hasil laut mengalami kenaikan, termasuk kembung yang meningkat daripada RM4, RM6 dan RM8 sekilogram mengikut saiz ikan itu kepada RM8, RM10 dan RM12 sekilogram.

"Ikan gelama pula kini dijual antara RM4 hingga RM8 sekilogram berbanding RM3 hingga RM5 sekilogram sebelum ini. Bagaimanapun, ikan kebasi masih kekal RM3 sekilogram buat masa ini.

"Namun, harga terbabit bergantung pada saiz ikan yang dijual dan ia juga tidak menentu setiap hari bergantung pada hasil tangkapan yang diperoleh," katanya.

Nelayan, Ishak Ahmad, 68, pula memaklumkan mereka hanya turun ke laut pada waktu awal pagi dan pulang bergantung pada keadaan cuaca serta hasil tangkapan.

Selain ikan, beliau berkata, tangkapan hasil laut lain seperti udang dan sotong juga sukar diperoleh ketika ini menyebabkan harganya meningkat.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari menjelaskan walaupun berlaku sedikit kekurangan bekalan ikan ketika ini, kenaikan harga tidak terlalu tinggi, malah ada yang masih kekal bergantung pada hasil tangkapan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/5/2024 | KOSMO | NEGARA | 5 |

# Wujud sistem kawalan kuota import, tetap harga siling sayur

**KLANG** – Kerajaan disaran mewujudkan sistem atau mekanisme kawalan kuota import sayur-sayuran dan menetapkan harga siling bahan makanan itu di negara ini.

Langkah itu bagi mengelak berlaku pengimportan melebihi permintaan pasaran dan kuasa monopoli harga oleh warga asing.

Pengerusi Persatuan Pengimport Sayur-sayuran Malaysia, Datuk Seri Teh Meng Huat berkata, lebih 60 peratus import sayuran kini dikuasai syarikat yang diusahakan warga asing atau pengusaha luar negara.

Kata beliau, keadaan kian membimbangkan berikutan harga kos tanaman kini amat rendah hingga menyebabkan kerugian berterusan dan menjejaskan petani tempatan.

"Justeru, sistem kawalan kuota import perlu diwujudkan bagi mengurangkan pembuangan sayuran dan kerugian akibat persaingan import yang masuk tanpa mengira keperluan pasaran.

"Jika kelulusan kawalan itu diberi lebih 10 tahun, ia membantu pengimport mencari bekalan tetap dari luar negara dan rakyat juga memahami harga siling jenis sayuran," katanya pada sidang akhbar di Pelabuhan Klang di sini semalam.

Tambah Meng Huat, kerajaan turut perlu meneliti semula pendaftaran syarikat warga asing bagi industri agromakanan di negara ini.

"Keselamatan makanan amat penting dan syarikat yang dikuasai warga asing perlu dihentikan daripada menjalankan perniagaan import, pengedar dan peruncit sayuran.

"Pelaburan asing memang dialukan, namun kita tidak boleh membenarkan mereka mengawal import makanan negara," ujarnya.

Sementara itu, Persekutuan Persatuan Penjual Sayur-sayuran Malaysia, Steven Lee Kha berkata, kerajaan turut digesa mengambil tindakan tegas kepada warga asing yang terlibat dalam perniagaan penanaman sayuran dan menyalahgunakan permit kerja.

"Mereka pada dasarnya memang diperlukan pekebun tempatan bagi membantu meningkatkan bekalan sayuran.

"Namun, mereka kini didapati berniaga sendiri dan menjadi tauke besar, sekali gus memusnahkan industri agromakanan," katanya.